

16 JUN 2003

Najib-Timbangan

NAJIB TIDAK AKAN PERSOAL SIAPA PILIHAN ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau tidak akan mempersoalkan kebijaksanaan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam memilih Timbalan Perdana Menteri apabila tiba masanya nanti.

Katanya tiada sesiapa pun boleh mempertikaikan siapa yang dipilih memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri kerana ia adalah hak mutlak Abdullah selaku Perdana Menteri nanti.

"Berdasarkan pengalaman beliau (Abdullah) yang luas, sudah tentu beliau akan buat keputusan berdasarkan kepentingan negara, Umno dan perjuangan rakyat secara keseluruhannya.

"Adalah menjadi sesuatu yang janggal, kalau kita mempertikaikan atau mempersoalkan pilihan bakal Perdana Menteri bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri," katanya pada sidang media mengenai usul-usul yang akan dibentangkan pada Perhimpunan Agung Umno bermula esok.

Najib, yang juga seorang daripada Naib Presiden Umno, berkata demikian ketika diminta mengulas kebimbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tentang kemungkinan berlaku perebutan jawatan Timbalan Presiden parti selepas beliau berundur Oktober ini.

Dr Mahathir yang telah ditemubual oleh akhbar Mingguan Malaysia semalam berkata beliau kluatir perebutan jawatan Timbalan Presiden Umno pada pemiklian parti tahun depan akan menimbulkan pergolakan.

Dalam reaksi mereka, dua lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib, dilaporkan berkata mereka juga akan akur dengan keputusan Abdullah nanti.

Najib, yang ditanya sama ada dengan saranan Dr Mahathir itu tidak akan ada pertandingan dalam pemilihan parti tahun depan, berkata: "Jangan buat banyak andaian kerana yang penting adalah persiapan untuk pilihan raya.

"Saya yakin terhadap kebijaksanaan pemimpin dan perwakilan (tentang perkara ini). Apa yang perlu ialah untuk menjamin kekuatan kita tidak terhakis. Saya dan rakan-rakan pemimpin akan bekerja kuat agar saranan Dr Mahathir dapat dipertahankan supaya dapat mengelakkan kebimbangan beliau adanya perebutan jawatan dalam parti," katanya.

Najib, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Usul bagi perhimpunan itu, berkata Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein akan membawa usul ucapan dasar dan akan disokong oleh Ketua Puteri Umno, Azalina Othman Said.

"Rasional kita memilih kedua-dua pemimpin ini adalah bagi melambangkan proses kesinambungan dan sokongan generasi muda terhadap perjuangan Umno," katanya.

Usul pendidikan dan agama, akan dibentangkan oleh Ketua Umno Bahagian Kluang, Senator Datuk Gapar Gurrohu, dan akan disokong oleh Datuk Zainal Abidin Sakom dari Bahagian Hulu Selangor.

Usul ekonomi pula akan dibawa oleh wakil Wanita Umno, Raja Ropiah Raja Abdullah, dan akan disokong oleh Timbalan Ketua Bahagian Umno Bachok, Datuk Dr Awang Adek Hussin.

Najib berkata usul ucapan dasar banyak menyentuh soal antarabangsa, tatacara dunia, peranan negara-negara seperti Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan membangun serta beberapa aspek dalaman termasuk saranan Presiden parti.

"Saya berharap saranan beliau (Dr Mahathir) akan dijadikan iktibar dan ikutan oleh ahli Umno," katanya.

-- BERNAMA
ERE AHH MAI